

**Putrajaya:** "Tolong jaga rahsia kerajaan," itu pesanan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak kepada penjawat awam ketika menyampaikan amanat sempena Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Keempat Belas (MAPPA XIV), di sini, semalam.

Najib berkata, baru-baru ini, ada beberapa kebocoran maklumat rahsia kerajaan dilaporkan termasuk isu kenaikan harga tol.

Menurutnya, jika belum bersedia membuat pengu-

## 'Tolong jaga rahsia kerajaan'

muman jangan bocorkan maklumat itu kerana di khudat menjadi keputusan berlainan kelak.

"Saya minta penjawat awam meniaga rahsia kerana mana-mana kerajaan sekali pun mesti memelihara rahsia kerajaan.

"Ini belum apa-apa lagi tol kita (kerajaan) nak (hendak) dinaikkan. Sepatutnya kena

ada kaedah tertentu memaklumkan perkara itu, justeru saya harap sangat penjawat awam tidak membocorkan rahsia kerajaan," katanya.

Katanya, penjawat awam sebahagian kepimpinan negara kerana setiap seorang daripadanya mengangkat sumpah dan mereka tidak boleh main-main dengan

angkat sumpah kerana ia penting demi kebaikan negara.

Najib berkata, amalan integriti tunjag kejayaan sebuah organisasi dan negara yang merangkumi nilai murni seperti jujur, benar, amanah, adil, bertanggungjawab, telus, cekap dan bijaksana.

Menurutnya, jika benteng integriti semakin menipis di

jiwa, ia mengundang bahaya kepada keselamatan dan kestabilan negara.

"Justeru, penjawat awam perlu mendakap integriti untuk memenangi keyakinan rakyat sekali gus memastikan survival perkhidmatan dan kestabilan negara," katanya.

Dalam pada itu, Najib berkata, beliau turut menca-

dangkan kerajaan diwujudkan pendekatan baru supaya jabatan atau Kementerian yang melakukan peninjatan perutusan boleh menerima peninjatan itu.

Menurutnya, inisiatif itu sebahagian penghargaan kepada jabatan atau Kementerian terbahit kerana cekap meminatkan perutusan supaya mereka boleh melaksanakan program lain atau memberi insentif kepada pegawai mereka.